

**Pelabur Hartanah Asia Perlu Dialu-alukan, Kata Menteri Australia
Bernama
8 Mac, 2014
Oleh Neville D'Cruz**

MELBOURNE, 8 Mac (Bernama) -- Pelaburan asing, yang merancang cadangan pembinaan bandar mini di pinggir bandar barat Melbourne, perlu dialu-alukan dan bukannya dibimbangi, kata Menteri Perancangan Victoria Matthew Guy.

Sebuah pemaju dari Asia Tenggara merancang untuk membina pusat kediaman dan komersil di Yarraville, lapan kilometer dari pusat perniagaan daerah Melbourne, di tapak industri terbiar seluas 24 hektar, demikian menurut laporan The Age.

Guy berkata pembangunan yang berpotensi itu berupaya mengubah kawasan pinggir bandar tersebut di samping menyediakan peluang pekerjaan.

"Pendapat saya ialah kita perlu mengalu-alukan pelaburan luar yang menepati garis panduan kita.

"Ini mengenai peluang pekerjaan, ini mengenai kira-kira 100 pekerjaan baharu, ini mengenai menyediakan kepadatan lebih tinggi di kawasan yang boleh mengekalkannya, oleh itu saya fikir ini adalah berita yang dialu-alukan kerana kita boleh mempunyai pembangunan baharu seperti ini di Melbourne," katanya.

Sementara itu, Gabenor Reserve Bank of Australia, Glenn Stevens, berkata pelabur Asia yang kaya membida tinggi harga rumah di Australia, dengan kawasan dalaman bandar merasakan tekanan paling tinggi.

Bagaimanapun, Stevens memberi amaran kepada peminjam agar tidak terlalu banyak berhutang kerana mereka beranggapan harga rumah akan sentiasa meningkat.

"Rakyat perlu ingat bahawa harga tidak naik begitu sahaja, ia juga boleh jatuh, harga rumah pernah jatuh, dan kita perlu berhati-hati," beliau dilaporkan berkata demikian dalam akhbar Herald Sun.

Stevens memberitahu persidangan parlimen di Sydney pada Jumaat bahawa gelombang pelaburan dari Asia dalam hartanah Australia adalah sama dengan pelaburan oleh oligarki Rusia dalam hartanah London.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020332>